

# Ahli ABM terus beri pinjaman

**Sebanyak 375,000  
pinjaman  
diluluskan pada  
tahun lalu**

PERSATUAN Bank-bank dalam Malaysia (ABM) mengulangi bahawa ahlinya merangkumi bank-bank komersial yang beroperasi di Malaysia, akan terus menyokong dan menyediakan pinjaman perumahan kepada pembeli rumah yang layak, termasuk pembeli rumah kali pertama serta segmen mampu milik.

Dalam satu kenyataan, ABM berkata, ini dibuktikan oleh jumlah kelulusan pinjaman keseluruhan yang

tinggi daripada bank-bank, sebanyak RM161 bilion untuk pembiayaan rumah kepada lebih 375,000 peminjam pada 2017.

"Jelas bahawa pembiayaan masih diberikan kepada peminjam yang layak memandangkan 71 peratus peminjam membabitkan pemilik rumah mampu milik kali pertama dan ini diperkukuh lagi dengan kadar kelulusan pinjaman perumahan sebanyak 73 peratus pada 2017," katanya merujuk artikel The New Straits Times bertajuk 'Relax financing requirement guidelines' (Pemudahkan garis panduan syarat pembiayaan) gesa MIEA.

"Bank ahli kami terlibat dalam perniagaan pinjaman, dan oleh itu akan terus me-

nyediakan pembiayaan kepada peminjam yang layak dan pada masa yang sama mematuhi garis panduan pembiayaan yang bertanggungjawab bagi mengurangkan risiko kewangan kepada bank dan peminjam supaya peminjam tidak dibebani kewajipan membayar balik pinjaman," katanya.

Punca pinjaman ditolak ialah kekurangan pendapatan untuk menyokong jumlah pinjaman, komitmen kewangan yang tinggi, sejarah kredit yang buruk, dokumentasi lemah atau rekod perbankan dan ketidakupayaan untuk membayar pinjaman itu," katanya.

Katanya, pembeli rumah kali pertama dinasihatkan meneroka skim perumahan di bawah inisiatif kerajaan.



Bank terus memberikan pinjaman kepada mereka yang berkecukupan untuk membeli rumah. Gambar hiasan daripada arkib Sinar Harian.